



Assalamualaikum wbt dan Salam Sejahtera,

YB Menteri/ YB Timbalan Menteri /YBhg. Datuk Dr./ YBhg. Datuk /YBhg. Dato’/YBrs. Dr./Tuan/Puan

2. Sukacita disertakan laporan pemantauan akhbar dan berita berkaitan dengan kementerian ini bertarikh 29 Mac 2023 (Rabu) untuk makluman dan perhatian sewajarnya.

Disediakan oleh,
Unit Komunikasi Korporat
Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
1	<p>Akta Antigangguan Seksual Dikuat Kuasa Secara Berperingkat</p> <p>https://www.sinarharian.com.my/article/251776/berita/nasional/akta-antigangguan-seksual-dikuat-kuasa-secara-berperingkat</p> <p>https://www.thesundaily.my/local/anti-sexual-harassment-act-enforced-in-phases-from-today-EJ10802732</p> <p>https://www.edisi9.com.my/2023/03/akta-antigangguan-seksual-dikuatkuasa-hari-ini/</p> <p>https://www.buletintv3.my/nasional/akta-antigangguan-seksual-2022-dilaksana-berperingkat/</p>	<p>Sinar Harian</p> <p>The Sun Daily</p> <p>Edisi 9</p> <p>Buletin TV3</p>	Neutral

	<p>https://headtopics.com/my/kerajaan-kuat-kuasa-akta-antigangguan-seksual-2022-the-malaysian-insight-37250626</p> <p>https://www.thestar.com.my/news/nation/2023/03/28/several-sections-of-sexual-harassment-law-take-effect-on-march-28-says-womens-ministry</p>	<p>Head Topics</p> <p>The Star</p>	
2	<p>Report: More Than 1,000 Cases Of Physical Child Abuse In Malaysia Last Year, Parliament Told</p> <p>https://www.malaymail.com/amp/news/malaysia/2023/03/28/report-more-than-1000-cases-of-physical-child-abuse-in-malaysia-last-year-parliament-told/61850</p> <p>https://www.dailyexpress.com.my/news/210192/report-more-than-1-000-cases-of-physical-child-abuse-in-malaysia-last-year-parliament-told/</p>	<p>Malay Mail</p> <p>Daily Express</p>	Neutral
3	<p>KPWKM Bangunkan Dasar Kanak-Kanak Lebih Komprehensif</p> <p>http://origin.bharian.com.my/berita/nasional/2023/03/1082924/kpwkm-bangunkan-dasar-kanak-kanak-lebih-komprehensif</p> <p>https://www.bernama.com/v2/en/general/news.php?id=2176884</p> <p>https://www.malaymail.com/news/malaysia/2023/03/28/womens-ministry-developing-more-comprehensive-national-child-policy-parliament-told/61922</p> <p>https://www.utusanborneo.com.my/2023/03/28/kpwkm-bangunkan-dasar-kanak-kanak-lebih-komprehensif</p>	<p>Berita Harian</p> <p>Bernamea</p> <p>Malay Mail</p> <p>Utusan Borneo</p>	Neutral
4	<p>Pemantauan Kegiatan Peminta Sedekah Harus Dilakukan</p> <p>https://berita.rtm.gov.my/~berita/index.php/semasa/60389-pemantauan-kegiatan-peminta-sedekah-harus-dilakukan</p>	<p>Berita RTM</p>	Neutral
5	<p>Pesakit Buah Pinggang Kronik Rayu Bantuan RM5,000</p>		Neutral

	https://www.kosmo.com.my/2023/03/28/pesakit-buah-pinggang-kronik-rayu-bantuan-rm5000/	Kosmo	
6	<p>Wanita Warga Emas Maut, Suami Dirawat Di ICU Selepas Makan Ikan Buntal</p> <p>https://malaysiagazette.com/2023/03/28/wanita-warga-emas-maut-suami-dirawat-di-icu-selepas-makan-ikan-buntal/</p> <p>https://www.astroawani.com/berita-malaysia/warga-emas-maut-suami-dirawat-di-icu-selepas-makan-ikan-buntal-di-johor-412975</p> <p>https://www.utusan.com.my/berita/2023/03/683027/</p> <p>https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2023/03/28/warga-emas-maut-suami-di-icu-selepas-makan-ikan-buntal/</p> <p>https://wartaoriental.com/2023/03/29/warga-emas-maut-makan-ikan-buntal-suami-masuk-icu/</p> <p>https://www.thesundaily.my/cerita/berita/wanita-warga-emas-maut-suami-dirawat-di-icu-selepas-makan-ikan-buntal-EJ10804312</p> <p>https://headtopics.com/my/warga-emas-maut-makan-ikan-buntal-suami-masuk-icu-37244238</p>	<p>Malaysia Gazette</p> <p>Astro Awani</p> <p>Utusan</p> <p>FMT</p> <p>Warta Oriental</p> <p>The Sun Daily</p> <p>Head Topics</p>	Neutral
7	<p>Bomba Selamatkan Lelaki Warga Emas Terperangkap Kebakaran</p> <p>https://www.kosmo.com.my/2023/03/28/bomba-selamatkan-lelaki-warga-emas-terperangkap-kebakaran/</p> <p>https://dayakdaily.com/warga-emas-dikejar-ke-hospital-selepas-rumah-di-sg-maong-ulu-musnah-terbakar/</p> <p>https://tvstv.my/2023/03/28/rumah-terbakar-di-sungai-maong-seorang-warga-emas-melecur/</p> <p>https://www.buletintv3.my/nasional/warga-emas-cedera-rumah-didiami-musnah-terbakar/</p>	<p>Kosmo</p> <p>Dayak Daily</p> <p>TVSTV</p> <p>Buletin TV3</p>	Neutral

8	<p>Dua Kanak-Kanak Terperangkap Dalam Kereta Diselamatkan</p> <p>https://www.bharian.com.my/berita/kes/2023/03/1082757/dua-kanak-kanak-terperangkap-dalam-kereta-diselamatkan</p>	Berita Harian	Neutral
9	<p>Ramai Tidak Sedar Kehebatan Wanita Dari Pelbagai Sudut</p> <p>https://www.utusan.com.my/rencana/forum/2023/03/ramai-tidak-sedar-kehebatan-wanita-dari-pelbagai-sudut/</p>	Utusan	Neutral
10	<p>Wanita Kemaruk Cinta Warga Asing Rugi RM500,000</p> <p>https://www.utusan.com.my/nasional/2023/03/wanita-kemaruk-cinta-warga-asing-rugi-rm500000/</p> <p>https://wartaoriental.com/2023/03/28/wanita-kemaruk-cinta-warga-asing-rugi-rm500000/</p>	Utusan Warta Oriental	Neutral
11	<p>Wanita OKU Rentung Dalam Kebakaran</p> <p>https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/03/1083124/wanita-oku-rentung-dalam-kebakaran</p> <p>https://www.sinarharian.com.my/article/251859/berita/s-emas/wanita-oku-rentung-dalam-kebakaran</p> <p>https://www.astroawani.com/berita-malaysia/wanita-oku-rentung-dalam-kebakaran-413031</p> <p>https://www.freemalysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2023/03/29/rumah-terbakar-wanita-oku-rentung/</p> <p>https://www.kosmo.com.my/2023/03/28/wanita-oku-rentung-rumah-hangus-dijilat-api/</p> <p>https://malaysiapost.com.my/2023/03/29/oku-maut-dalam-kebakaran-rumah/</p> <p>https://www.utusan.com.my/berita/2023/03/oku-rentung-tinggal-sendirian-ketika-ibu-adik-ke-pasar/</p>	Berita Harian Sinar Harian Astro Awani FMT Kosmo Malaysia Post Utusan	Neutral

	https://headtopics.com/my/wanita-oku-maut-rumah-terbakar-harian-metro-37252000	Head Topics	
12	<p>Pesara Wanita Rugi RM194,000 Ditipu 'Polis'</p> <p>https://www.sinarharian.com.my/article/251770/berita/s/emas/pesara-wanita-rugi-rm194000-ditipu-polis</p>	Sinar Harian	Neutral
13	<p>Duda Rugi RM183,600 Ditipu Wanita Dikenali Di Media Sosial</p> <p>https://selangorkini.my/2023/03/duda-rugi-rm183600-ditipu-wanita-dikenali-di-media-sosial/</p>	Selangor Kini	Neutral
14	<p>Pengemis Warga Thailand 'Berkampung' Di Kota Bharu</p> <p>https://www.sinarharian.com.my/article/251811/edisi/ke-lantan/pengemis-warga-thailand-berkampung-di-kota-bharu</p>	Sinar Harian	Neutral

AKTA ANTIGANGGUAN SEKSUAL DIKUAT KUASA SECARA BERPERINGKAT

<https://www.sinarharian.com.my/article/251776/berita/nasional/akta-antigangguan-seksual-dikuat-kuasa-secara-berperingkat>

Sumber : Sinar Harian



PUTRAJAYA - [DIKEMAS KINI] Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) akan menguatkuasakan Akta Antigangguan Seksual 2022 [Akta 840] secara berperingkat bermula hari ini (28 Mac).

KPWKM berkata, ia melibatkan Seksyen 1 iaitu tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa; Seksyen 2 tafsiran; Seksyen 24 pentadbir; Seksyen 25 fungsi dan kuasa pentadbir; dan Seksyen 26 kuasa untuk membuat peraturan-peraturan.

KPWKM dalam satu kenyataan hari ini memaklumkan penguatkuasaan Akta 840 itu melibatkan takrifan gangguan seksual, elemen kesedaran dan pencegahan mengenai gangguan seksual kepada masyarakat.

"Ia mengambil kira kepentingan untuk mendidik dan meningkatkan pemahaman serta kesedaran rakyat tentang betapa seriusnya isu yang melibatkan gangguan seksual sebelum akta ini dikuatkuasakan sepenuhnya," katanya.

KPWKM berkata, Akta 840 mencerminkan komitmen kerajaan yang amat prihatin dan serius dalam menangani serta menghapuskan diskriminasi berasaskan gender terutamanya gangguan seksual.

"Apabila pemahaman dan kesedaran masyarakat tentang perlakuan gangguan seksual dan kesannya terhadap mangsa dapat dipertingkatkan, secara langsung membantu ke arah menyediakan persekitaran yang selamat.

"Ia bagi meningkatkan pengupayaan rakyat dalam ekonomi, sosial dan politik selain memastikan mereka tidak terpinggir dalam arus pembangunan negara untuk mencapai aspirasi Malaysia Madani," menurut KPWKM.

Akta 840 diluluskan di Dewan Rakyat pada 20 Julai 2022 dan Dewan Negara pada 11 Ogos 2022.

Akta berkenaan telah diwartakan sebagai akta baharu pada 18 Oktober 2022 selepas menerima perkenan Yang di-Pertuan Agong Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah. – Bernama

REPORT: MORE THAN 1,000 CASES OF PHYSICAL CHILD ABUSE IN MALAYSIA LAST YEAR, PARLIAMENT TOLD

<https://www.malaymail.com/amp/news/malaysia/2023/03/28/report-more-than-1000-cases-of-physical-child-abuse-in-malaysia-last-year-parliament-told/61850>

Sumber : Malay Mail



KUALA LUMPUR, March 28 — Women, Family and Community Development Minister Datuk Seri Nancy Shukri yesterday reportedly said that 1,301 children were physically abused nationwide last year.

From that number, 679 cases involved boys while 622 were girls, *The Star* reported her as saying in the Dewan Rakyat yesterday.

However, according to the report, she did not provide further details on the matter.

In response to a question raised by Temerloh MP Salamiah Mohd Nor, she also reportedly said that over the past two years, more than 300 child abuse cases had occurred in kindergartens and daycare centres.

"There was a total of 336 abuse cases between 2021 and 2022.

"The cases happened at both registered and non-registered kindergartens and daycare centres," she was quoted as saying.

Salamiah had asked about the number of child abuse cases that occurred in kindergartens and daycare centres as well as the measures that were being taken to address the matter.

In response to another question by Sri Aman MP Datuk Seri Doris Sophia Brodi, Nancy reportedly said that several measures have been implemented to ensure children were safe at kindergartens and daycare centres.

Those looking after the children will have to undergo 28 days of training and closed-circuit television (CCTV) cameras will be installed in the premises to monitor activities, she said.

"Parents must also play their role and carry out physical checks on their children to see if there are any signs of abuse.

"They should not hesitate to call the Talian Kasih 15999 hotline and report if there are signs of abuse," she was quoted as saying.

KPWKM BANGUNKAN DASAR KANAK-KANAK LEBIH KOMPREHENSIF

<http://origin.bharian.com.my/berita/nasional/2023/03/1082924/kpwkm-bangunkan-dasar-kanak-kanak-lebih-komprehensif>

Sumber : Berita Harian



KUALA LUMPUR: Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) menyemak semula dasar sedia ada berkaitan kanak-kanak bagi membangunkan satu dasar kanak-kanak negara yang lebih komprehensif.

Timbalan Menterinya, Aiman Athirah Sabu, berkata antara dasar yang sedang disemak semula termasuk Dasar Kanak-Kanak Negara, Dasar Perlindungan Kanak-Kanak Negara dan elemen berkaitan kanak-kanak dalam Dasar Pendidikan Kesihatan Dan Reproduksi Sosial.

Beliau berkata, satu pelan tindakan baharu juga akan dibangunkan bagi mengiringi dasar baharu berkenaan yang antara lain akan menggariskan panduan bagi mengukuhkan tadbir urus, dasar perundangan dan penyampaian perkhidmatan kepada kanak-kanak.

"Ia juga akan merangkumi agensi pelaksana pada peringkat Persekutuan, negeri dan pihak berkuasa tempatan, sokongan komuniti serta kerjasama semua badan bukan kerajaan (NGO)

perlu diperkasakan demi kepentingan yang terbaik kanak-kanak," katanya pada sesi soal jawab lisan di Dewan Negara, hari ini.

Beliau berkata demikian bagi menjawab soalan tambahan Ros Suryati Alang yang ingin tahu usaha kerajaan untuk menambah baik akta sedia ada untuk memberi perlindungan secara menyeluruh kepada kanak-kanak. – BERNAMA

PEMANTAUAN KEGIATAN PEMINTA SEDEKAH HARUS DILAKUKAN

<https://berita.rtm.gov.my/~berita/index.php/semasa/60389-pemantauan-kegiatan-peminta-sedekah-harus-dilakukan>

Sumber : Berita RTM



PERINGGIT, MELAKA, 28 Mac- Kerajaan Negeri Melaka mengarahkan jabatan dan agensi berkaitan melakukan pemantauan di kawasan-kawasan tumpuan bagi membanteras kegiatan peminta sedekah di negeri itu.

Exco Hal Ehwal Wanita, Pembangunan Keluarga dan Kebajikan negeri Datuk Kalsom Noordin berkata, tindakan segera perlu ambil berikutan kegiatan berkenaan semakin berleluasa khasnya membabitkan orang asing.



(Exco Hal Ehwal Wanita, Pembangunan Keluarga dan Kebajikan Melaka, Datuk Kalsom Noordin pada Program Jelajah Ramadan MelakaFM 2023 bersama Pengarah Penyiaran Melaka Mohd Yusni Mohamed Ali)

Beliau berkata, pemantauan secara kerap perlu dilakukan oleh pihak terbabit khususnya Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) di kawasan tumpuan seperti di Bazar Ramadan dan Aidilfitri bagi mengelakkan ketidakselasaan masyarakat.

“Tapi kita mintalah jabatan yang bertanggungjawab, iaitu jabatan JPN segera adakan penguatkuasaan setiap perayaan atau pun tempat-tempat sebegini sama sekali macam semalam dikhabarkan wanita itu adalah wanita rohingya dan kita tengok sendiri dalam bakul dia ada duit banyak RM50 ada RM5,

"Perkara ini harus diambil berat oleh jabatan berkenaan, kena hantar penguatkuasa supaya bukan kita dengki atau pun kita tidak berhati perut tetapi sesungguhnya dihari yang mulia ini kita tidak mahu ada perkara-perkara yang sebegini berlaku, saya pun tidak senang hati apabila orang ramai, netizen sendiri yang membuat hebahan ini," katanya ketika ditemui pada Hari kedua Program Jelajah Ramadan MelakaFM 2023 yang menjelajah ke sebuah Masjid dan lima rumah mereka kurang berkemampuan di sekitar Peringgit, bagi menyampaikan sumbangan.

Hadir sama, Pengarah Penyiaran Melaka, Mohd Yusni Mohamed Ali.

PESAKIT BUAH PINGGANG KRONIK RAYU BANTUAN RM5,000

<https://www.kosmo.com.my/2023/03/28/pesakit-buah-pinggang-kronik-rayu-bantuan-rm5000/>

Sumber : Kosmo



SUNGAI PETANI – Seorang pesakit buah pinggang kronik merayu bantuan kewangan sebanyak RM5,000 untuk melakukan pembedahan tapak dialisis pada tangan kanannya bagi menjalani rawatan hemodialisis secepat mungkin.

Afnizam Md. Zuki, 47, dari Kampung Titi Mandi Lembu, Jalan Kuala Ketil dekat sini berkata, ini kali ketiga dia perlu melakukan pembedahan tapak dialisis di tangan kanannya selepas tapak dialisis sebelum ini tidak lagi boleh digunakan.

Ketika ini katanya, dia terpaksa melakukan rawatan dialisis di Hospital Sultan Abdul Halim (HSAH) di sini menggunakan tapak sementara pada pahanya.

“Sebelum ini saya mengeluarkan duit Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dan wang sumbangan rakan-rakan kerja untuk melakukan dua pembedahan tersebut.

“Pembedahan kedua pada 2021 menelan belanja RM11,000 dan bertahan selama sebulan sahaja, menyebabkan saya terpaksa bertukar pula kepada rawatan peritoneal dialisis (cuci air) selama setahun.

“Bagaimanapun, rawatan menggunakan kaedah itu terpaksa dihentikan akibat jangkitan kuman sehingga saya terpaksa dirawat di HSAH sejak dua minggu lalu,” katanya ketika ditemui di HSAH di sini baru-baru ini.

Afnizam memberitahu, pembedahan kali ketiga itu memerlukan perbelanjaan kira-kira RM5,000 yang akan dilakukan di sebuah hospital swasta di Pulau Pinang dengan kadar segera.

“Namun, saya sememangnya tidak mempunyai wang sebanyak itu ketika ini. Saya menghidap penyakit ini sejak 10 tahun lalu dan terpaksa berhenti kerja sebagai seorang tukang masak di sebuah kedai makan di Kuala Lumpur,” ujarnya.

Ujarnya, selepas hilang sumber pendapatan tetap, isterinya, Karimah Marzuki, 38, terpaksa berniaga nasi lemak dan kuih-muih bagi menyara empat anak mereka berusia 7 hingga 15 tahun.

“Pendapatan isteri berniaga hanya sekitar RM30 sehari, sekadar cukup untuk perbelanjaan makan minum kami sekeluarga,” ujarnya.

Menurutnya, perbelanjaan dialisisnya kini ditanggung Pertubuhan Keselamatan Sosial (Perkeso), manakala empat anaknya yang masih bersekolah itu menerima bantuan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) sebanyak RM100 seorang.

Orang ramai yang ingin menghulurkan sumbangan boleh berbuat demikian melalui akaun CIMB milik Afnizam Md. Zuki 7048332043 atau menghubunginya di talian 016-489 8780.

WANITA WARGA EMAS MAUT, SUAMI DIRAWAT DI ICU SELEPAS MAKAN IKAN BUNTAL

<https://malaysiagazette.com/2023/03/28/wanita-warga-emas-maut-suami-dirawat-di-icu-selepas-makan-ikan-buntal/>

Sumber : Malaysia Gazette



JOHOR BAHRU – Seorang wanita warga emas meninggal dunia pada Sabtu lepas, manakala suaminya masih dirawat di Unit Rawatan Rapi (ICU), dipercayai mengalami keracunan selepas memakan ikan buntal.

Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Perpaduan negeri, Ling Tian Soon berkata, wanita berusia 83 tahun itu mula menunjukkan gejala sesak nafas dan menggigil sebelum diikuti suaminya satu jam kemudian dengan gejala sama, kira-kira pukul 3 petang selepas memakan ikan tersebut pada waktu tengah hari.

“Kedua-dua pasangan tersebut telah dibawa ke Hospital Enche’ Besar Hajjah Khalsom, Kluang oleh anak mereka yang tinggal berasingan sebelum disahkan meninggal dunia pada 7 malam, hari yang sama.

Kes ini dianggap sebagai keracunan makanan disebabkan ikan buntal. Malah punca kematian diletakkan sebagai keracunan makanan dengan ‘neurological manifestation resulting in respiratory failure with cardiac dysrhythmia possible due to toxin ciguatera or tetrodotoxin ingestion’, yang diperoleh daripada ikan buntal,” katanya menerusi satu kenyataan malam ini.

Ling berkata, difahamkan, ini adalah kali pertama pasangan yang tinggal di Jalan Sin Tiam Chamek, Kluang itu makan masakan berasaskan ikan buntal dengan mendapatkan bekalan daripada penjual secara pra-tempahan menerusi laman Facebook.

Bagaimanapun beliau berkata, sehingga kini, tiada laporan baharu diterima berkaitan kes itu dan memaklumkan semua ikan yang dijual pada tarikh berkenaan telah pun diambil oleh Pejabat Kesihatan Daerah (PKD) berkenaan bagi tujuan analisis.

“Siasatan lanjut mendapati ikan buntal segar ini diperoleh daripada nelayan di Endau, Mersing sebelum diambil oleh pemborong untuk diproses di Batu Pahat dan kemudiannya membuat edaran kepada pelanggan berdasarkan tempahan.

“Saya ingin menyampaikan salam takziah kepada keluarga mangsa dan mengingatkan kepada warga Johor agar sentiasa berhati-hati dalam memilih makanan terutama jika ianya mempunyai risiko,” katanya sambil menambah suami wanita itu masih dirawat di ICU. – Bernama

BOMBA SELAMATKAN LELAKI WARGA EMAS TERPERANGKAP KEBAKARAN

<https://www.kosmo.com.my/2023/03/28/bomba-selamatkan-lelaki-warga-emas-terperangkap-kebakaran/>

Sumber : Kosmo



KUCHING – Seorang lelaki warga emas selamat setelah berjaya dikeluarkan oleh pasukan bomba ketika terperangkap di dalam rumahnya yang terbakar pada tengah malam tadi.

Namun, Oew Boi Hon, 73, melecur di kaki kiri, tangan dan muka akibat kebakaran yang meranapkan seluruh rumahnya di Lorong Sg Maong Ulu 3, di sini.

Jurucakap Pusat Gerakan Operasi Bomba Sarawak berkata, pihaknya menerima laporan mengenai kejadian kira-kira pukul 11.48 malam dan segera menggerakkan pasukan dari Balai Bomba dan Penyelamat (BBP) Batu Lintas dan BBP Tabuan Jaya ke lokasi.

“Setiba di lokasi, komander operasi melaporkan kebakaran melibatkan sebuah rumah telah terbakar 100 peratus.

“Seorang mangsa yang terperangkap telah berjaya diselamatkan oleh pasukan bomba dan dihantar ke Hospital Umum Sarawak untuk rawatan,” katanya dalam kenyataan, hari ini.

Menurutnya, rumah dua tingkat itu didiami mangsa dan isterinya Ling Hie Eng, 71. Bagaimanapun, katanya isteri mangsa berjaya menyelamatkan diri dan tidak mengalami sebarang kecederaan.

Menjelang lanjut, beliau berkata pasukan bomba berjaya mengawal kebakaran pada pukul 12.39 malam namun operasi ditamatkan sepenuhnya pada pukul 5.13 pagi setelah memastikan keadaan selamat. -KOSMO! ONLINE.

DUA KANAK-KANAK TERPERANGKAP DALAM KERETA DISELAMATKAN

<https://www.bharian.com.my/berita/kes/2023/03/1082757/dua-kanak-kanak-terperangkap-dalam-kereta-diselamatkan>

Sumber : Berita Harian



JOHOR BAHRU: Dua kanak-kanak lelaki terperangkap dalam kereta hampir setengah jam di hadapan sebuah kediaman di Jalan Aliff Harmoni di Taman Damansara Aliff di sini malam tadi.

Jurucakap Jabatan Bomba dan Penyelamat negeri Johor, berkata pihaknya menerima panggilan kecemasan pada jam 10.38 malam tadi.

Beliau berkata, enam anggota dari Balai Bomba dan Penyelamat Larkin bersama sebuah Unit Bantuan Perkhidmatan Kecemasan (EMRS) dan tiga Rapid Intervention Motorcycle (RIM) ke lokasi kejadian.

Menurutnya, operasi diketuai oleh Pegawai Bomba Kanan II, Abdul Razak Mohd Saat.

RAMAI TIDAK SEDAR KEHEBATAN WANITA DARI PELBAGAI SUDUT

<https://www.utusan.com.my/rencana/forum/2023/03/ramai-tidak-sedar-kehebatan-wanita-dari-pelbagai-sudut/>

Sumber : Utusan



SAUDARA PENGARANG,

WALAUPUN tarikh sambutan [Hari Wanita Antarabangsa](#) pada 8 Mac lalu telah lama berlalu, mungkin belum terlambat untuk saya mengingatkan kembali tentang kehebatan wanita. Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) memilih *Kasih Wanita* sebagai tema sambutan untuk tahun ini.

Akronim kasih itu sendiri telah memaparkan mengenai ciri-ciri kehebatan wanita iaitu k membawa maksud kasih sayang sebagai menghargai wanita yang sentiasa mencurahkan kasih sayang.

Huruf a atau akhlak mulia pula sinonim dengan sifat wanita yang sentiasa menerapkan dan mengekalkan akhlak mulia manakala s merujuk kepada sihat iaitu mengenai sifat wanita yang selalu memastikan diri dan keluarga sihat.

Sementara itu, huruf i adalah merujuk kepada ilmu iaitu mengenai hakikat wanita hari ini dilihat turut sama bersaing seiring kaum lelaki dalam mempertingkatkan ilmu pengetahuan.

Huruf h pula ialah harmoni, sinonim dengan sifat wanita yang sentiasa memelihara keharmonian sekeliling.

Wanita kini dilihat lebih hebat dan kuat dalam menghadapi pelbagai cabaran dan liku kehidupan. Biar pun mereka jatuh, mereka lebih cepat bangkit semula.

Kita semua juga dilahirkan oleh wanita yang hebat dan kuat. Melahirkan dan mendidik bukanlah satu perkara mudah dan kecil jika dilihat dari kaca mata manusia. Ia memerlukan pengorbanan dan kekuatan yang tidak lain tidak bukan dipikul oleh wanita.

Antara kelebihan dimiliki wanita adalah kebiasaannya dianugerahkan dengan lebih sifat empati dan keibuan seterusnya dapat merasakan perasaan orang lain dengan lebih baik.

Mereka mempunyai kemampuan untuk memahami apa yang orang lain rasakan. Wanita juga selalu memiliki kecenderungan yang kuat untuk berfikiran kreatif dan berinovasi.

Mereka menemui pelbagai jalan penyelesaian unik untuk masalah rumit dan memberikan idea serta buah fikiran segar, dalam masa sama memberi motivasi kepada orang lain.

Wanita tidak mudah menyerah sebaliknya terus berjuang sehingga menemukan hasil untuk mencapai apa yang mereka inginkan dalam kehidupan baik untuk diri sendiri atau ahli keluarga mereka.

Setiap cabaran dan halangan akan diselesaikan semampunya. Lebih hebat lagi, wanita sering kali memiliki kemampuan untuk melakukan beberapa tugas dalam satu masa seperti bekerja sambil mengurus keluarga atau kegiatan sosial lainnya.

Mereka dilihat memiliki kelebihan dengan naluri yang kuat dan sering dapat meramalkan apa yang akan terjadi atau merasakan perubahan suasana dan hati orang lain.

Naluri ini sangat penting dalam menunjukkan keprihatinan dalam apa jua yang berlaku di sekelilingnya dan dalam masa sama wanita lebih berhati-hati sekiranya berhadapan situasi bahaya dan sukar.

Wanita memiliki keterampilan sosial yang baik dan mudah untuk berhubungan dengan orang lain. Mereka cenderung memiliki kemampuan untuk membangun hubungan yang kuat dan memberi inspirasi kepada orang lain untuk berbuat lebih baik.

Sifat kelembutan yang ada dalam diri wanita kini bukan lagi dilihat sebagai petanda mereka lemah, malah sebenarnya wanita mampu memecahkan masalah secara kreatif dengan menggunakan pelbagai pendekatan.

Mereka juga sering melihat masalah dari pelbagai sudut yang mana mungkin kelihatan sulit dan kompleks pada pandangan orang lain, namun hakikatnya ia dapat membantu dengan lebih cepat dalam proses penyelesaian masalah. – [UTUSAN](#)

NURULISYAZILA OTHAMAN, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM)

Wanita kemaruk cinta warga asing rugi RM500,000

<https://www.utusan.com.my/nasional/2023/03/wanita-kemaruk-cinta-warga-asing-rugi-rm500000/>

Sumber : Utusan



KUALA TERENGGANU: Seorang kakitangan wanita di sebuah institut pengajian tinggi di sini mendakwa mengalami kerugian kira-kira RM500,000 setelah menjadi mangsa ‘Love Scam’ sejak tiga tahun lalu.

Ketua Polis Daerah Kuala Terengganu, Asisten Komisioner Abdul Rahim Md. Din, berkata, kejadian berlaku ketika mangsa berkenalan dengan seorang warga asing di laman mencari jodoh pada Julai 2020.

Menurut beliau, suspek kemudian sering meminjam wang daripada mangsa yang berusia 30-an itu sehingga mangsa membuat pemindahan wang ke beberapa akaun berlainan yang diberikan suspek.

“Suspek dengan licik telah memperdaya mangsa yang tertipu dengan alasan cinta dan kasih sayang malah mangsa mengaku telah membuat 22 transaksi pemindahan wang.

“Melalui perkenalan itu, mangsa memberikan segala bentuk bantuan kepada suspek selain turut membuang semua bukti pemindahan wang seperti diarahkan suspek.

“Sepanjang hubungan hampir tiga tahun itu, mangsa rugi RM500,000 yang merupakan wang simpanan serta wang pinjaman peribadi mangsa,” katanya menerusi kenyataan di sini, hari ini.

Abdul Rahim menjelaskan, mangsa hanya sedar ditipu selepas diberitahu rakan sekerja tentang identiti teman lelakinya itu.

Tambah beliau, sebaik menyedari diperdaya sindiket ‘Love Scam’, mangsa membuat laporan di Ibu Pejabat Polis Daerah Kuala Terengganu pada Ahad lalu.

Katanya, kes disiasat di bawah Seksyen 420 Kanun Keseksan (KK) kerana menipu. – UTUSAN

Wanita OKU rentung dalam kebakaran

<https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/03/1083124/wanita-oku-rentung-dalam-kebakaran>

Sumber : Berita Harian



PONTIAN: Wanita orang kurang upaya (OKU) ditemukan rentung selepas rumah didiaminya di Kampung Parit Hj Elias, Ayer Baloi di sini, terbakar, hari ini.

Dalam kejadian itu, mangsa berusia 47 tahun ditemui rentung di ruang bilik tidur.

Penolong Penguasa Bomba dan Penyelamat Pontian, Azhar Abdul Jalil berkata, pihaknya menerima panggilan kecemasan pada jam 12. 27 tengah hari.

"Akibat kebakaran itu, rumah jenis kekal satu tingkat berukuran panjang 20 meter dan lebar 10 meter itu musnah 70 peratus.

"Seorang wanita ditemui rentung dalam bilik tidur. Mayat diserahkan kepada polis untuk tindakan lanjut," katanya.

PESARA WANITA RUGI RM194,000 DITIPU 'POLIS'

<https://www.sinarharian.com.my/article/251770/berita/semasa/pesara-wanita-rugi-rm194000-ditipu-polis>

Sumber : Sinar Harian



MELAKA - Gara-gara takut ditangkap kononnya terbabit dalam pengubahan wang haram, seorang pesara kerajaan wanita kerugian lebih RM194,000 selepas menjadi mangsa sindiket penipuan.

Ketua Polis Daerah Alor Gajah Superintendan Arshad Abu berkata, mangsa berusia 50-an menerima panggilan telefon daripada seorang individu yang mendakwa sebagai peguam pada 21 Disember tahun lalu.

Menurutnya, selepas itu panggilan mangsa didakwa disambungkan kepada Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Ampang Jaya, Selangor bagi membuat aduan kepada pihak polis sebelum siasatan dijalankan.

"Individu itu mendakwa sebagai polis dan mangsa dimaklumkan terbabit dengan pengubahan wang haram dan terdapat waran tangkap atas nama mangsa.

"Mangsa menafikan terbabit dengan aktiviti itu dan individu terbabit memintanya memberikan butiran akaun bank bersama baki simpanan," katanya dalam satu kenyataan di sini, pada Selasa.

Jelas beliau, setelah memberikan maklumat berkenaan, mangsa kemudian diminta untuk membuka akaun bank baharu selain memindahkan kesemua wang ke dalam akaun tersebut.

Ujar beliau, mangsa telah memindahkan kesemua wang simpanannya ke akaun baharu itu untuk tujuan siasatan dalam tempoh 28 Disember hingga 2 Januari lalu.

Kata beliau, empat hari kemudian iaitu pada 6 Januari mangsa mendapati kesemua wang dalam akaun baharu telah dipindahkan ke akaun pihak ketiga tanpa pengetahuan dengan jumlah RM194,210.

"Mangsa yang sedar ditipu selepas kehilangan wangnya kemudian membuat laporan polis di Balai Polis Masjid Tanah pada Jumaat lalu.

"Kes disiasat mengikut Seksyen 420 Kanun Keseksaan," katanya lagi.

DUDA RUGI RM183,600 DITIPU WANITA DIKENALI DI MEDIA SOSIAL

<https://selangorkini.my/2023/03/duda-rugi-rm183600-ditipu-wanita-dikenali-di-media-sosial/>

Sumber : Selangor Kini



KUANTAN, 28 MAC: Duda sanggup mengeluarkan wang Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dan membuat pinjaman peribadi demi cintanya kepada ‘wanita’ yang hanya dikenali di Facebook, hingga kerugian RM183,600.

Ketua Polis Pahang Datuk Seri Ramli Mohamed Yoosuf berkata mangsa yang berusia 55 tahun dan bekerja sebagai jurukimpal mendakwa berkenalan dengan ‘wanita’ itu yang kononnya menetap di Amerika Syarikat, Januari lalu.

“Mangsa yang telah kematian isteri mendakwa hubungan mereka semakin rapat sehingga mula berbincang mengenai perkahwinan.

“Mangsa mendakwa telah membuat pemindahan wang secara dalam talian berjumlah RM25,600 pada awal Februari lepas ke akaun diberikan suspek kononnya bagi urusan perkahwinan,” katanya menerusi kenyataan di sini hari ini.

Ramli berkata mangsa mendakwa terus didesak supaya menambah wang bagi perkahwinan itu, menyebabkan dia membuat 10 lagi transaksi pemindahan wang ke dua akaun diberikan suspek.

Menurutnya mangsa hanya menyedari ditipu apabila suspek meminta tambahan RM30,000 daripadanya walaupun sebelum itu telah menyerahkan wang yang banyak, menyebabkan dia membuat laporan di Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Kuantan semalam.

Ramli menasihatkan orang ramai agar lebih berhati-hati dan tidak mudah terpedaya dengan gambar profil individu cantik atau tampan di media sosial dalam memilih rakan, terutamanya daripada mereka yang mendakwa menetap di luar negara.

Orang ramai juga dinasihatkan untuk membuat semakan nombor akaun yang diterima di <https://semakmule.rmp.gov.my/> sebelum membuat sebarang transaksi untuk mengelakkan daripada ditipu.

– BERNAMA

PENGEMIS WARGA THAILAND 'BERKAMPUNG' DI KOTA BHARU

<https://www.sinarharian.com.my/article/251811/edisi/kelantan/pengemis-warga-thailand-berkampung-di-kota-bharu>

Sumber : Sinar Harian



KOTA BHARU - Bandar Kota Bharu kembali menjadi tumpuan warga asing dari negara jiran Thailand yang bertandang ke negara ini bagi melakukan kegiatan mengemis sepanjang bulan Ramadan.

Kedatangan mereka yang umpama 'tradisi' sejak tahun 70-an lalu itu memberi imej buruk berterusan kepada negeri Kelantan.

Yang Dipertua Majlis Perbandaran Kota Bharu-Bandar Raya Islam (MPKB-BRI), Rosnazli Amin berkata, golongan tersebut sudah mula memasuki negeri ini dengan menggunakan pas lawatan sebagai pelancong paling kurang dua hari sebelum Ramadan.

Menurut beliau, mereka menggunakan pelbagai taktik licik seperti memakai pakaian lusuh dan membawa kanak-kanak bagi meraih simpati orang ramai selain ada kalangan orang kurang upaya.

“Mereka ini menjadikan tempat tumpuan seperti Masjid Muhammadi, bank-bank dan bazar Ramadan untuk mengemis.



Seorang wanita Thailand (tengah) menangis ketika didekati pihak berkuasa.

“Mereka juga tidur di kaki lima sehingga menyebabkan kekotoran dan menimbulkan rasa tidak senang kepada pengunjung,” katanya pada sidang akhbar selepas Operasi Bersepadu Banteras Pengemis dan Gelandangan, di sini, pada Selasa.

Pada operasi terbabit, 14 pengemis termasuk lapan warga Thailand berusia 46 sehingga 70 tahun bersama seorang kanak-kanak lelaki berusia tiga tahun ditahan oleh pasukan penguatkuasa.

Operasi disertai 24 anggota termasuk MPKB-BRI, Jabatan Kebajikan Masyarakat, Jabatan Imigresen Malaysia serta Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan.

Rosnazli berkata, golongan ini mengaut pendapatan lumayan sehingga mencecah ribuan ringgit hasil daripada sedekah dan sumbangan orang ramai yang bermurah hati.

“Keadaan juga menimbulkan keadaan seolah-olah kerajaan tidak prihatin sedangkan mereka adalah warga asing yang mengambil kesempatan mengemis di negara ini.

“Ada yang berselindung di sebalik perniagaan kerepek dan dipercayai melibatkan sindiket yang didalangi ejen-ejen,” katanya.